

# Anggota PBB kena serang di Douma

BERITA HARIAN 19/4/18 m/s 79

➔ Seperti ada unsur sabotaj halang misi OPWC siasat lokasi serangan

## ► New York

**P**asukan Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang hadir untuk memantau kawasan serangan kimia di Douma terkejut apabila mereka diserang dengan tembakan, kelmarin.

Ini berlaku menjelang kunjungan kumpulan pakar dari Pertubuhan Larangan Senjata Kimia (OPWC) yang mahu menyiasat dan mencari dalang serangan kejam ini.

Ada juga perkhabaran, pihak tertentu seperti mahu sabotaj dan menghalang misi PBB untuk mencari bukti bahawa bandar

itu ada berlaku serangan kimia pada 7 April lalu.

"Ada tembakan kelmarin dilancarkan ke arah pasukan keselamatan PBB yang mahu memulakan misi dan tugasan mereka di sini," kata seorang pegawai kepada AFP.

Perkembangan yang tidak dijangkakan itu memaksa kumpulan berkenaan menanggukkan tujan gas dan menunggu lampu hijau sebelum dapat melangkah masuk.

Menurut sumber, pasukan keselamatan PBB itu berada di Douma untuk membuat tinjauan menyeluruh dan melihat situasi semasa sebelum memberi laluan kepada pakar dari OPCW menyiasat insiden kematian ramai penduduk awam akibat serangan gas klorin

oleh pasukan keselamatan Syria.

## Cetus krisis diplomatik

Sabtu lalu Amerika Syarikat (AS), Britain dan Perancis melancarkan tembakan peluru berpandu ke atas beberapa sasaran di Syria sebagai hukuman terhadap penggunaan senjata kimia oleh rejim Presiden Bashar al-Assad.

Ini adalah kali pertama kuasa Barat bergabung untuk mengambil tindakan ke atas Assad sepanjang tempoh tujuh tahun berperang.

Campur tangan AS itu dilihat boleh memburukkan konflik yang sedia berlaku antara kuasa Barat dan rejim Bashar yang menerima sokongan Russia walaupun tidak memberi sebarang kesan untuk

pertempuran di darat.

Assad kini berada dalam kedudukan terkuat berbanding dengan bulan-bulan pertama peperangan yang meragut lebih 500,000 nyawa dan menyebabkan lebih daripada separuh rakyat Syria melarikan diri.

Kelewatan kehadiran pemeriksa OPCW di Douma itu kini dilihat sebagai antara faktor yang boleh mencetuskan krisis diplomatik susulan tuduhan oleh kuasa Barat ke atas Damsyik dan Moscow.

AS dan Perancis masing-masing percaya rejim Assad boleh mengambil kesempatan atas penangguhan itu untuk menghapuskan semua bukti penggunaan senjata kimia di Douma.

REUTERS